

Siri wanita & Isu

PENGKID



Dr.Rohaiza binti Rokis

Dr. Mariam Adawiah binti Dzulkifli

Dr. Adibah binti Abdul Rahim

Penerbit :
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
www.islam.gov.my

Cetakan pertama 2015
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Dicetak dan Atur huruf oleh
Reka Cetak Sdn. Bhd.
No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D
Seksyen 16, 40200 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
www.rekacetak.com

Isi Kandungan

Kata Alu-aluan Ketua Pengarah JAKIM ... i

Pengenalan ... 1

Faktor Gejala Pengkid ... 2

Peruntukan Undang-undang di Malaysia Berkenaan Akhlak dan Tatatusil

Pengkid Menurut Pandangan Islam ... 5

Menangani Gejala Pengkid ... 9

Penutup ... 14

PENGENALAN

Pengid dan lesbian merupakan penyakit kronik masyarakat kini. Budaya songsa jelas sekali bertentangan dengan fitrah asal manusia dan boleh dirumuskan sebagai satu krisis gender ataupun keceluaran jantina. Terma pengid digunakan untuk merujuk seorang perempuan, kebiasaannya remaja yang berpakaian, berpenampilan dan berpewatakan seperti lelaki. Tingkah laku, sikap, tindakan malah minat dan naluri seksual mereka juga adalah kepada kaum sejenis iaitu kaum wanita. Perempuan ini menjalankan hubungan dengan wanita dan mereka akan memainkan peranan sebagai lelaki. Mereka bercinta dan ada yang sehingga melakukan seks sejenis di luar tanggungjawab mereka. Golongan ini cuba menonjolkan identiti jantina berlawanan dengan norma biologikal dan sosial kewanitaan yang mereka miliki.

Ada juga perempuan yang selesa berpakaian seperti lelaki. Namun, naluri dan keinginan mereka masih lagi seperti seorang perempuan dan mereka ini dirujuk sebagai *tomboy*. Manakala lesbian merujuk kepada perempuan yang berpewatakan dan berpenampilan normal sebagai perempuan. Namun, tarikan naluri seksual mereka lebih kepada kaum sejenis.

Krisis identiti gender seperti ini memerlukan mekanisma pengenalan identiti yang jelas. Jika golongan *maknyah* atau pondan dapat dikenali melalui pemakaian dan tingkah laku mereka, bagaimana pula dengan pengid?

Tidak terdapat kajian ilmiah yang menyatakan secara komprehensif berkenaan ciri-ciri fizikal pengid. Namun, berdasarkan pemerhatian, pembacaan dan pergaulan boleh dirumuskan ciri-ciri fizikal secara umumnya termasuk berbadan dan mempunyai potongan rambut seperti lelaki, mempunyai rupa paras maskulin, berjalan, bercakap dan bergaya seperti lelaki. Mereka juga cuba melindungi payu dara dengan memakai baju berlapis-lapis, besar dan longgar.

Adakah pengid disebabkan faktor genetik? Setakat ini, tiada pendapat yang jelas mengenai perkaitan antara pengid atau yang seumpamanya dengan hubungan genetik. Walau bagaimanapun ada pandangan yang mengatakan gejala perempuan menyerupai lelaki mungkin ada hubungan kaitnya dengan 'genetic disorder'. Salah satu contoh

'genetic disorder' ialah *congenital adrenal hyperplasia* (CAH). Mereka yang mengalami CAH kekurangan enzim *adrenal gland* untuk merembeskan hormon *cortisol* dan *aldosterone*. Ketidaaan kedua-dua hormon ini menyebabkan tubuh badan seseorang cenderung untuk mengeluarkan lebih *androgen*, iaitu hormon seks lelaki dan ini akan menimbulkan sifat-sifat dan ciri-ciri kelelakian seseorang perempuan itu. Seramai 1 dalam 10,000 kepada 18,000 kanak-kanak dilahirkan dengan CAH (Medline Plus Medical Encyclopaedia). Kajian saintifik yang dijalankan oleh Berenbaum (1999) menyokong pernyataan tersebut. Kajiannya menyatakan bahawa kanak-kanak perempuan yang mengidap CAH telah menunjukkan '*sex-atypical preferences*' iaitu lebih keinginan terhadap aktiviti kelelakian dan cabang kerjaya maskulin. Kecenderungan terhadap aktiviti keperempuanan dan cabang kerjaya feminin juga menurun.

FAKTOR GEJALA PENGKID

Berbanding dengan faktor genetik, penjelasan mengenai pengkid lebih dikaitkan dengan faktor persekitaran sosial. Beberapa faktor sosial sering dikatakan menjadi penyebab penularan golongan pengkid dalam kalangan masyarakat. Antaranya:

- Kecenderungan dan minat mereka terhadap perempuan timbul sejak usia kanak-kanak lagi yang disebabkan oleh dorongan atau keinginan ibu bapa. Terdapat segelintir ibubapa yang melatih anak-anak bersikap seperti lelaki semenjak kecil contohnya memberi pakaian dan mainan kanak-kanak lelaki kepada anak-anak perempuan mereka. Selain itu, mereka juga digalakkan terlibat dalam sukan lasak seperti hoki dan futsal.
- Timbul kebencian terhadap lelaki akibat suasana pembesaran yang negatif seperti melihat lelaki yang disifatkan sebagai ganas seperti bapa yang tidak bertanggungjawab, kaki pukul dan sebagainya.
- Terperangkap dengan pujuk rayu sebahagian pengkid yang menggunakan pelbagai cara seperti merayu, menggoda dan mencabul.
- Terdapat fenomena anak gadis terlibat dalam cinta songsang berpunca kepada keinginan dan kehendak diri di luar tab'i'i, iaitu perhubungan cinta dan seksual wanita bersama wanita lain.
- Tanggapan hanya wanita mengetahui keinginan wanita lain dan menjanjikan kepuasan yang lebih.

- Berasa lebih selesa kerana tidak terdedah kepada risiko mengandung.
- Kurang kasih sayang daripada keluarga.

Kebanyakan pengkid ialah remaja. Umum memahami bahawa era remaja era pencarian identiti. Kita tidak dapat menolak kemungkinan pembabitan remaja dengan pengkid bermula daripada sifat memberontak dalam jiwa masing-masing. Sifat memberontak, kebingungan dan pengaruh luaran antara faktor ketika proses pembentukan identiti yang akhirnya membuatkan remaja mencuba pelbagai gaya kehidupan.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA BERKENAAN AKHLAK DAN TATASUSILA

Prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusahaannya menyatakan dengan jelas mengenai perkembangan personaliti dan tingkah laku seseorang rakyat. Ia bertujuan untuk membentuk seseorang individu bersopan santun dan bersusila. Seterusnya boleh membentuk masyarakat yang harmoni dan bermoral tinggi. Element kesopanan dan kesusahaannya ini adalah penting dalam konteks perhubungan antara manusia sama lain dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Di bawah prinsip taatusila ini juga tersirat maksud membenci dan menghina mana-mana tingkah laku atau perbuatan yang bertentangan dengan kehormatan persendirian dan kehidupan bernegara. Prinsip kelima Rukun Negara ini sememangnya menjadi panduan supaya perilaku masyarakat sentiasa terpelihara dan berkembang sesuai dengan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni masyarakat Timur. Dengan ini bolehlah dirumuskan bahawa gejala pengkid merupakan satu budaya sondakan yang menyalahi prinsip Rukun Negara Malaysia itu sendiri.

Selaras dengan percanggahan antara gejala songsang tersebut dengan prinsip Kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusahaannya, maka terdapat peruntukan undang-undang yang berkenaan dengan kesalahan yang berhubung kesusahaannya. Sebagai contoh, berdasarkan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan, 1997) perbuatan tidak sopan di tempat awam ialah kesalahan dan "mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam tanpa tujuan tidak bermoral juga merupakan satu kesalahan. Oleh itu, apabila disambut dengan denda tidak melebihi RM1,000.00 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya".

Sementara, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam telah bersidang Kali Ke-83 pada 22-24 Oktober 2008 membincangkan hukum wanita menyerupai lelaki (pengkid). Muzakarah telah memutuskan bahawa pengkid, iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi agama. Muzakarah menggesa agar masyarakat Islam supaya memberi pendidikan dan tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak gadis khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan sunnatullah.

Keterangan/Hujah pengharaman:

1. Pengkid cenderung untuk menjalinkan hubungan intim dengan wanita kerana daripada segi perasaan, nyata mereka amat berminat terhadap wanita sehingga tidak ada langsung perasaan dan keinginan terhadap lelaki.
2. Majoriti ulama' bersepakat bahawa Islam melarang perbuatan lelaki menyerupai wanita atau wanita menyerupai lelaki. Maksud menyerupai ini termasuklah daripada aspek gaya rambut, perhiasan, penampilan, cara bercakap, cara berpakaian dan sebagainya.
3. Apa yang berlaku pada hari ini ialah situasi yang berlawanan dengan fitrah yang telah diciptakan oleh Allah SWT dan ikutan yang membuat tuli yang akan mengancam golongan remaja Islam di seluruh dunia.
4. Gejala pengkid ini telah lama menular di negara-negara Barat dan perlakuan hubungan sesama jenis adalah akibat dari gejala ini yang seolah-olah menjadi fenomena biasa.
5. Walaupun hukum Islam jelas melarang perlakuan wanita menyerupai lelaki atau lelaki menyerupai wanita, tetapi kebanyakkan umat Islam tidak memandang serius larangan tersebut.
6. Isu pengkid juga berkait rapat dengan kedudukan hiburan yang melampau dan pergaulan bebas dalam kalangan remaja.

Berikutnya dengan keputusan tersebut, terdapat beberapa buah negeri yang mewartakan fatwa berkaitan pengharaman budaya songsang (pengkid) ini seperti yang berikut:

- i) Negeri Melaka diwartakan pada 18 Disember 2008
- ii) Negeri Perak diwartakan pada 18 Disember 2008
- iii) Negeri Johor diwartakan pada 3 Disember 2008

Dengan adanya fatwa berkaitan pengharaman pengkid jelas menunjukkan masalah pengkid ini dan ianya amat perlu dibendung bagi menjamin ia menular dan merosakkan sistem masyarakat yang berakhhlak khususnya remaja wanita Islam.

PENGKID MENURUT PANDANGAN ISLAM

Hadith juga memperkatakan kewujudan manusia yang mempunyai kegender atau *mukhannath*, yang biasanya dalam kalangan lelaki berperwata bernaluri wanita. Diriwayatkan oleh An-Nawawi, *mukhannath* merupakan lelaki yang pembawaan, perwatakan dan percakapan mereka mempunyai karisma keperempuanan. Terdapat dua jenis golongan: Yang pertama ialah yang dilahirkan sebegitu, tidak direka-reka, dan oleh yang demikian tiada pen kesalahan dan malu atas diri mereka, selagi mereka tidak melakukan se kegiatan tidak bermoral untuk mendapatkan duit seperti terlibat dalam pe dan sebagainya; dan golongan kedua ialah mereka yang memilih untuk perempuan serta melakukan perbuatan yang tidak bermoral, maka mereka daripada golongan yang berdosa".

Berdasarkan beberapa hadith yang secara asasnya merujuk larangan Nabi Muhammad SAW terhadap lelaki yang menyerupai wanita dan wanita menyerupai lelaki ulama' telah bersepakat menetapkan hukum haram terhadap golongan pengkid. Wahbah al-Zuhaili di dalam *Kitab al-Islami wa Adillatuhu* menegaskan bahawa ke atas lelaki menyerupai wanita dan wanita menyerupai lelaki. Ini berdasarkan

Dari ibn Anas r.a berkata; "Rasulullah SAW melaknat mereka yang menyerupai wanita daripada kalangan lelaki dan mereka yang menyerupai lelaki daripada kalangan wanita". (Hadith riwayat al-Bukhari, Abu Daud, Tarmizi, ibn Majah, dan Ahmad).

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, wanita yang menyerupai lelaki dalam kontek hadith tersebut merangkumi aspek berpakaian, gaya rambut, perhiasan, penampilan, cara bercakap, dan sebagainya. Pendapat yang sama telah disuarakan oleh al-Syeikh Muhammad bin Soleh al-Nuthaimin menerusi *Fatawa wa Rasail li al-Nisa'*. Beliau bersandarkan hadith yang dipetik daripada Abi Hurairah r.a iaitu:

"Rasulullah SAW melaknat lelaki yang memakai pakaian perempuan, dan perempuan yang memakai pakaian lelaki" (Hadith riwayat Ahmad, dan Abu Daud).

Salah satu ciri pengkid adalah mempunyai naluri seksual terhadap pasangan sejenis serta melakukan hubungan seks di luar tabi'i. Menurut istilah agama Islam, hubungan luar tabi'i yang berlaku antara seorang wanita dengan wanita lain dinamakan *sihadq* atau *musahaqah*. Sementara itu, menurut al-sayyid Sabiq, *al-Sihadq* merupakan pergeselan kelamin di antara seorang perempuan dengan perempuan yang lain tanpa memasukkan sesuatu ke dalam faraj. Dalam masyarakat hari ini, hubungan ini lebih dikenali sebagai lesbian. Perbuatan ini dianggap amalan terkutuk yang dilarang keras oleh agama Islam. Malah para ulama' bersepakat mengatakan bahawa lesbian haram di sisi syara'. Pengharaman tersebut merujuk sebuah hadith Rasulullah SAW riwayat al-Tabrani yang bermaksud:

"Apabila seorang lelaki mendatangi seorang lelaki (melakukan hubungan seks) maka kedua-duanya ialah penzina dan apabila seorang perempuan mendatangi seorang perempuan maka kedua-duanya ialah penzina"

Dalam konteks hadith tersebut, jelas menunjukkan bahawa pengharaman hubungan seks antara seorang perempuan dengan pasangan perempuannya. Hadith tersebut menggambarkan perlakuan homoseksual atau lesbian sebagai satu perbuatan zina. Namun demikian, hukuman ke atas pesalah tidak dikategorikan dalam hukuman hudud memandangkan perlakuan tersebut tidak menyebabkan berlakunya kemasukan zakar ke dalam faraj atau persetubuhan. Pesalah, menurut Imam Abu Hanifah (pengasas mazhab Hanafi), hanya dikenakan hukuman *ta'zir* iaitu mengikut pertimbangan seseorang hakim (Abdul Qadir Audah 2: 368-369).

Perhubungan seks di luar tabi'i bersama-sama pasangan sejenis harus dibendung memandangkan budaya sebegini boleh mengheret kepada persoalan lain iaitu

perkahwinan sejenis. Perkahwinan sesama jantina sama ada lelaki sesama mahupun wanita sesama wanita adalah diharamkan. Perkahwinan yang diiktiraf dalam Islam hanya boleh berlaku antara seorang lelaki dengan wanita yang menurut rukun-rukun dan syarat-syarat tertentu. Firman Allah SWT bermaksud:

"Dan kahwinlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) antara kamu, orang-orang yang soleh daripada hamba-hamba kamu" (Surah al-Nur: 3)

Al-Maraghi di dalam tafsirnya menjelaskan Allah menyuruh orang yang hidup (tidak beristeri atau bersuami) supaya dikahwinkan, kerana ia merupakan meramaikan golongan manusia, disamping memelihara keturunan sehingga menambah perasaan kasih sayang mereka terhadap anak-anak.

Setiap makhluk telah dicipta oleh Allah untuk hidup secara berpasangan mewujudkan fitrah kejadian. Begitu juga manusia diciptakan secara berpasangan antara lelaki dan wanita. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Maha suci Tuhan yang telah menciptakan pasangan-pasangan semuanya baik dari apa yang ditumbuhkan oleh bumi dan dari diri mereka mahu dan dari apa yang tidak mereka ketahui" (Surah Yaasin: 36).

Berdasarkan nas-nas dan hadith di atas, jelas menunjukkan bahawa golongan perempuan sebenarnya telah menentang fitrah kejadian Allah dan bersikap tidak normal. Tabiat lelaki dan tabiat perempuan adalah jelas dari segi syara' dan ajaran Islam. Jika adanya perbuatan yang berlakukannya seperti perempuan dan perempuan berlagak seperti lelaki maka perbuatan tersebut dianggap tidak normal dan menentang fitrah. Malah, golongan perempuan hanya menurut hawa nafsu mereka semata-semata. Al-Quran menempelkan golongan perempuan seumpama ini dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

"Adakah engkau nampak orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya? Maka dapatkah engkau menjadi pengawas yang menjaga mereka? Atau adakah engkau menyangka bahawa kebanyakan mereka mendengar atau memahami? Mereka hanya binatang ternak bahkan lebih sesat lagi" (Surah al-Furqan: 43-44).

Golongan pengkid harus dibezakan daripada golongan khunsa yang diiktiraf oleh Islam. Pengiktirafan ini menunjukkan bahawa Islam memandang golongan khunsa sebagai manusia normal tetapi ditetapkan beberapa perbezaan aspek seperti dalam aspek ibadah. Contohnya, penetapan posisi solat untuk golongan khunsa sudah ditetapkan oleh jumhur ulama' iaitu berada di saf ketiga selepas dewasa dan kanak-kanak lelaki. Saf di belakang golongan khunsa ialah wanita. Justeru, golongan pengkid tidak dikategorikan sebagai golongan khunsa dan hukum perlakuannya adalah jelas haram di sisi Islam kerana mengubah ciptaan dan kejadian fitrah diri yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Indikator-indikator fizikal dan tingkah laku seseorang pengkid itu merupakan syarat-syarat asas untuk mengenal pasti seseorang sebagai pengkid. Golongan ini secara terbuka menzahirkan dan menonjolkan pemakaian yang berlawanan dengan ciri-ciri azali mereka. Lelaki mahupun wanita Islam ditegah menampilkan diri dengan penampilan yang bertentangan dengan sifat-sifat semula jadi mereka atau dalam erti kata lain meniru dan menyerupai (*tasyabuh*) jantina yang berlawanan dengan jantina asal mereka.

Sebagai contoh, antara ciri utama seseorang pengkid adalah mempunyai gaya rambut yang pendek sama seperti lelaki. Jelas, para *ulama'* berpendapat bahawa amalan tersebut adalah dilarang dalam Islam. Menurut Dr. Ahmad al-Syarbasi, hukum wanita yang memendekkan rambut dengan tujuan menyerupai lelaki adalah haram. Mengulas isu yang sama, Syeikh Abdul Aziz Ibn Bazz berpandangan bahawa seseorang wanita boleh memotong pendek rambut mengikut kesesuaian dan keselesaan masing-masing dengan tujuan menjaga kerapian serta kebersihan. Perbuatan memendekkan rambut dengan tujuan meniru gaya seorang lelaki adalah dilarang sama sekali.

Pandangan yang sama juga turut dikongsi oleh Syeikh Ahmad Kutty, pensyarah kanan Universiti Islam Toronto, Kanada. Beliau menerangkan bahawa wanita boleh memilih untuk berambut pendek dengan tujuan yang baik tetapi perbuatan memendekkan rambut dengan tujuan menyerupai kaum lelaki adalah dilarang. Walau bagaimanapun, kaum wanita harus diingatkan tentang etika berpakaian menurut *syara'* yang jelas melarang mereka mendedahkan aurat termasuk rambut kecuali di hadapan suami atau lelaki yang mahram dengan mereka sahaja. Bukan hanya gaya rambut, malah cara

berpakaian seseorang wanita juga harus menepati batasan *syara'* agar tidak menjadi keliru. Etika berpakaian dalam Islam amat penting bagi memaruh seseorang wanita serta mengelakkan pelbagai fitnah, prasangka nelek perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku.

Syari'at Islam telah menerangkan secara jelas tentang halal dan haram sesuatu dan buruk sesuatu perkara. Penjelasan secara terperinci telah diberikan mengenai semua aspek kehidupan manusia termasuk batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan, cara berpakaian serta perwatakan yang sewajarnya. Melakukan perkara yang melampaui batasan agama seperti amalan pengkid sudah pasti menghasilkan pelbagai implikasi buruk dalam masyarakat. Selain mencemari identiti diri seseorang perempuan, amalan pengkid juga boleh menyebabkan kekeliruan dalam masyarakat. Kekeliruan ini menyebabkan lelaki dan wanita sebenarnya mencari pasangan. Selain itu, amalan songsang ini juga menyumbang kepada gejala sosial yang sukar dibendung. Amalan pengkid juga boleh meruntuhkan kekeluargaan yang berhasil daripada sebuah perkahwinan antara lelaki dan wanita. Seandainya budaya keji ini tidak dibendung, kepupusan zuriat manusia akan disebabkan ketiadaan hubungan seks sebenar yang boleh menghasilkan manusia.

MENANGANI GEJALA PENGKID

Bagi menangani gejala pengkid ini, beberapa perkara dicadangkan seperti berikut:

1) Memberi *tarbiyah* awal dalam keluarga

Peranan keluarga terutamanya ibu dan bapa dalam mendidik anak-anaknya sangat penting dalam membentuk peribadi dan tingkah laku mereka. Anak-anak perlu diberi bimbingan yang sempurna seawal mungkin bermula dari dalam kandungan lagi. Ibu dan bapa hendaklah sentiasa berlapang dada dalam menerima keadaan anak mereka sama ada lelaki atau perempuan. Sikap manafikan dan menerima jantina kelahiran anak-anak ini serta melatih mereka membiasakan keadaan yang bukan sepatutnya boleh mempengaruhi tingkah laku mereka. Tumbuhbesaran anak-anak yang secara tidak langsung boleh menyumbang kepada gejala pengkid.

2) Menambahbaikan peranan kaunseling keluarga dan sekolah

Beberapa mekanisme drastik harus dirancang bagi meningkatkan lagi khidmat kaunseling di peringkat sekolah. Khidmat kaunseling *on-line* dapat dijalankan secara meluas memandangkan individu-individu yang bermasalah sukar untuk meluahkan perasaan mereka secara berdepan. Khidmat kaunseling *on-line* dilihat sebagai satu saluran atau platform komunikasi yang berkesan untuk menarik individu meluahkan perasaan dan masalah mereka.

3) Memperkasakan aqidah remaja Muslim

Kemantapan aqidah merupakan kunci kepada kemuliaan peribadi seseorang. Oleh itu, beberapa rancangan yang bersifat motivasi harus dipergiatkan bagi memberi kefahaman yang mendalam tentang kepentingan aqidah dan kesannya terhadap pembentukan sahsiah diri.

4) Mengadakan seminar kesedaran

Seminar kesedaran kepada masyarakat tentang beberapa isu berkaitan pengkid, seperti faktor penularan serta tindakan-tindakan yang harus diambil untuk menanganinya. Seminar ini harus dihadiri oleh pelbagai pihak daripada golongan akademik, pengamal undang-undang, wakil-wakil NGO, ahli-ahli agama sehingga kepada golongan pelajar. Perlu ditekankan disini akan perlunya ada kumpulan penekan atau *pressure group* bagi menyedarkan masyarakat umum terhadap betapa seriusnya gejala pengkid ini. Di samping itu, para cendekiawan bersama dengan ahli-ahli agama dan pengamal undang-undang serta media perlu lebih serius membincangkan isu-isu gejala tersebut dalam keadaan yang sepatutnya. Cara mengatasi gejala pengkid adalah pengukuhan nilai agama dan pemantapan nilai moral yang perlu dilihat dari sudut hubungan gender, sosial-biologi dan Islam.

5) Membuat filem/dokumentari berkenaan gejala sosial pengkid

Masyarakat harus didehdahkan dengan gambaran sebenar kehidupan pengkid yang jelas tersasar daripada landasan agama. Salah satu medium bagi menyebarkan informasi berkenaan gaya hidup songsang pengkid dan implikasinya terhadap masyarakat adalah melalui filem atau dokumentari. Pendedahan haruslah berdasarkan fakta-fakta yang tepat agar masyarakat tidak terkeliru dalam membuat penilaian berkenaan pengkid.

6) Memperbanyakkan iklan tentang bahayanya budaya pengkid

Cara mudah dalam memberi pengajaran tentang bahaya budaya pengkid melalui iklan-iklan di televisyen. Paparan iklan dengan cara yang berkesan memberi satu impak yang besar kepada masyarakat.

7) Mengadakan program untuk menarik minat golongan bekas pengkid untuk turut sama membanteras gejala tersebut

Melalui kaunseling yang diberikan kepada bekas-bekas pengkid yang bertaubat, mereka boleh memainkan peranan yang amat penting bagi golongan pengkid yang masih aktif ke arah jalan yang direentai. Jelas, sebagaimana diketahui bahawa bekas pengkid lebih mengetahui kehendak seorang pengkid yang lain.

8) Memperbanyakkan edaran risalah mengenai pengetahuan ajaran agama

Masyarakat jarang didehdahkan dengan bahan-bahan risalah berkaitan dari sudut agama. Kejahilan hukum perlakuan pengkid menyebabkan masyarakat menganggapnya sebagai satu norma kehidupan dan hak kebebasan individual. Adalah dibimbangkan bahawa pengkid tidak dianggap sebagai satu kebangsaan apabila masyarakat tidak sensitif dengan ajaran agama. Penyebaran risalah sebagai satu medium dakwah yang berkesan dan ianya boleh merangkumi seluruh negara. Laporan masyarakat malah bukan sahaja terhad kepada kaum muslimin tetapi juga bukan muslim. Ahli-ahli agama harus memainkan peranan yang lebih aktif dalam membincangkan isu-isu sosial semasa termasuk pengkid yang berada di peringkat terpinggir dan tidak mendapat liputan yang meluas.

9) Memperbanyakkan edaran risalah mengenai bahaya pengkid dan kesihatan, moral (akhlik) dan perubatan

Selain daripada perspektif agama, risalah berkaitan bahaya pengkid dan kesihatan, moral, dan perubatan harus juga dipapar dan diedarkan kepada masyarakat. Pendedahan tentang implikasi negatif dari segi emosi serta perubatan juga mampu menarik masyarakat agar tidak terjebak dengan gejala ini. Berita tentang pengid juga mampu menarik minat masyarakat untuk mencari sumber maklumat yang betul dan akur.

10) Memupuk budaya prihatin dalam kalangan masyarakat

Sifat individualistik masyarakat hari ini boleh menyumbang kepada pelbagai gejala sosial untuk terus berleluasa. Sifat ini harus dibendung dengan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti serta program bersama tetangga. Beberapa slogan keperihatinan masyarakat harus disebarluaskan. Salah satu aspek di dalam adat pepatih iaitu buapak harus menjaga anak buah dapat dijadikan bahan rujukan dan boleh diaplikasikan di dalam masyarakat.

11) Mewujudkan persatuan untuk menangani budaya pengkid

Tidak dinafikan bahawa terdapat banyak persatuan yang berjuang dengan cara masing-masing dalam menangani gejala sosial di dalam masyarakat. Namun begitu, tidak ada satu koordinasi dan objektif yang jelas di antara persatuan-persatuan tersebut dan metodologi yang digunakan agak berbeza antara satu sama lain. Oleh yang demikian, penyelidikan melihat bahawa satu persatuan khas bagi menangani masalah pengkid harus ditubuhkan. Pendekatan persatuan ini harus menjurus kepada masalah dan isu pengkid secara khusus.

12) Mengadakan kempen menyayangi anak bangsa yang kurang jati diri

Pengkid menonjolkan personaliti dan tingkah laku yang tidak seiring dengan budaya Melayu serta ajaran agama Islam. Oleh itu, perlakuan pengkid berkait rapat dengan kehilangan identiti serta jati diri bangsa dan agama. Bagi menyedarkan golongan remaja yang mudah terikut-ikut dengan budaya asing, kempen-kempen berkaitan jati diri harus dianjurkan secara konsisten dari semasa ke semasa. Ianya harus mula didedahkan kepada golongan pelajar peringkat rendah dan menengah seterusnya ke peringkat universiti.

13) Menguatkuasakan undang-undang syariah

Salah satu cara yang dianggap paling berkesan untuk menangani masalah pengkid ialah melalui mekanisme undang-undang. Pengkid merupakan salah satu kategori kesalahan jenayah syariah yang tertakluk kepada kepada kanun jenayah syariah negeri-negeri. Penyelidikan mendapati bahawa peruntukan bagi kesalahan jenayah pengkid adalah terlalu umum seperti 'perempuan berlagak seperti lelaki atau lelaki berlagak seperti perempuan'. Ketiadaan definisi atau interpretasi khusus tentang pengkid memberi ruang kepada para qadhi dan

hakim-hakim syariah untuk membuat interpretasi yang luas. Oleh itu keseragaman definisi dibuat dan ini menyebabkan ketidakberkesanan undang. Sesetengah kes disabit kesalahan manakala sesetengah yang tidak pula disabitkan kesalahan. Penyelidikan mencadangkan agar perumum (berlagak seperti lelaki) hendaklah dipinda dengan memperbaiki definisi atau takrifan yang lebih tepat dan khusus berkenaan pengkid. Itu indikator-indikator fizikal dan tingkah laku hasil dari kajian ini boleh diambil sebagai penunjuk untuk mensabitkan kesalahan. Definisi ini tidak boleh berbeza dengan maknayah atau pondan. Oleh itu, peruntukan khusus untuk pengid perlu diwujudkan. Sebagai contoh, kes sumbang mahram telah dikhususkan kepada kes rogol yang dilihat lebih umum dan kes ragut telah dikhususkan daripada kes curi yang juga dilihat lebih umum.

14) Memperbanyak kajian tentang gejala pengkid

Kajian tentang gejala pengkid amat berkurangan jika dibandingkan dengan gejala-gejala sosial yang lain. Oleh itu, adalah disarankan bahawa penyelidikan ilmiah tentang pengkid ditingkatkan dan diberi perhatian yang sewajarnya. Peruntukan kewangan tidak harus terhad kepada kajian yang bersifat sains dan teknologi sahaja malah ia juga harus meliputi kajian sosial yang menyumbang kepada aspek pembangunan insan.

15) Mengurangkan tempat-tempat hiburan

Pihak berkuasa harus menyekat lesen bagi pusat-pusat hiburan dan tempat-tempat beroperasi. Ini kerana tempat-tempat sebegini menjadi tumpuan pengid berpelesiran dan terpengaruh di antara satu sama lain. Serbuan demi serbuan harus dibuat dari semasa ke semasa bagi mencegah maksiat di dalam masjid. Pihak berkuasa harus mengenal pasti tempat-tempat yang menjadi tarikan pengid berkumpul khususnya di Brickfield, Bangsar, dan Ampang. Penyelidikan mengelirukan apabila pusat-pusat pengid ini masih terus beroperasi tanpa mendapat gangguan daripada mana-mana pihak.

PENUTUP

Perlu diingatkan di sini bahawa setiap individu mempunyai kuasa memilih (*freedom of choice*) dan dikurniakan akal fikiran di samping panduan ajaran agama yang jelas untuk memilih pilihan yang betul. Secara psikologi, tabiat buruk seseorang boleh dihentikan sekiranya dia mempunyai daya keinginan yang tinggi untuk berubah dan memilih untuk tidak meneruskan tabiat buruk tersebut. Manakala dalam Islam, seseorang yang berniat untuk melakukan kesilapan belum dikatakan berdosa sehingga dia bertindak atas niat tersebut.

Justeru, golongan pengkid dalam masyarakat kita hari ini harus mengambil iktibar daripada perihal golongan homoseksual yang diceritakan dalam al-Qur'an. Seandainya perbuatan terkutuk demikian masih terus diamalkan tidak mustahil masyarakat kita hari ini ditimpa bencana yang sama terjadi terhadap sejarah kaum terdahulu. Oleh yang demikian, golongan pengkid harus bangun daripada fantasi ciptaan mereka dan kembali kepada hukum dan syariat Allah dengan merujuk al-Qur'an dan al-Sunnah. Sabda Rasulullah SAW daripada Ibn Abbas r.a berkata:

"Sesungguhnya aku telah meninggalkan pada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sama sekali sesat selama kamu berpegang kepada keduanya; Kitab Allah dan Sunnah nabiNya" (Riwayat al-Imam al-Hakim).

Pada masa yang sama, perlu diingat bahawa semua golongan masyarakat berperanan membendung gejala pengkid. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Barangsiapa yang melihat kemungkaran, maka hendaklah diubah dengan tangan (kuasa yang ada pada dirinya); jika tidak berkesan, maka ubahlah dengan lidah (nasihat); jika tidak mampu juga mengubahnya, maka bencilah kemungkaran itu dengan hati. Maka yang demikian adalah selemah-lemah iman".

Dari segi teori psikologi, mereka yang bergaul dengan pengkid mempunyai risiko yang tinggi untuk terpengaruh dengan mereka. Lebih-lebih lagi mereka yang tidak menyedari bahawa masalah pengkid ini amat berbahaya dan telah pun diharamkan oleh Muzakaran Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam

Malaysia Kali ke-83. Dari pandangan Islam sendiri, Rasulullah SAW menyampaikan教訓 kepada umat Islam supaya bergaul dengan mereka yang mempunyai pekerjaan mulia.

Masyarakat seharusnya peka dengan kewujudan gejala pengkid yang semakin meningkat terutama di kalangan remaja. Oleh itu, pengkid merupakan satu penyakit sosial yang perlu dibendung dan ditangani dengan serius. Sekiranya gejala ini tidak dipantau dan dibendung daripada peringkat awal lagi, ia mampu mengundang kepada masalah sosial yang lain.